



KEHADIRAN : SEPERTI DI LAMPIRAN A

1

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	(d) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan ahli mesyuarat berikut: (i) Encik Mohd Faizal Daud, mantan Timbalan Wakil Pengurusan ISMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja ISMS bermula 16 Mac 2012 hingga 16 Januari 2019; (ii) Puan Noorizai Haji Mohamad Noor, mantan Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS bermula 8 Mei 2018 hingga 1 Mac 2019; dan (iii) Encik Mohd Nazri Noh, mantan Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) bermula 20 September 2017 hingga 21 Oktober 2018.	Makluman
13.2	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KESEPULUH Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kesebelas yang diadakan pada 16 Januari 2019 dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kedua Belas (secara edaran) pada 8 Mei 2019 disahkan tanpa sebarang pindaan.	Makluman
13.3	PERKARA BERBANGKIT 13.3.1 Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali kesebelas adalah seperti pada Lampiran B. 13.3.2 Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian terhadap perkara yang memerlukan tindakan susulan sebagaimana berikut: (a) <u>Minit 11.3.2 (a)</u> – Mesyuarat mencadangkan supaya pemilik proses bagi Kad Maya PutraViD bagi pelajar dibahagi kepada dua entiti yang berasingan iaitu Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik bagi Pelajar Prasiswazah dan Sekolah Pengajian Siswazah bagi pelajar siswazah. Mesyuarat meminta supaya cadangan ini dibawa semula oleh pihak iDEC untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.	Makluman TWP ISMS/TWP iDEC

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
13.4	LAPORAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT Mesyuarat: 13.4.1 mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi tempoh Januari hingga Jun Tahun 2019 adalah seperti mana perincian yang dinyatakan di Lampiran C. 13.4.2 mengambil maklum berdasarkan laporan yang dikemukakan, daripada tujuh (7) Objektif Keselamatan Maklumat yang diukur, tiga (3) objektif telah mencapai sasaran manakala empat (4) objektif masih belum dapat diukur. 13.4.3 meneliti cadangan penambahbaikan ke atas Objektif Keselamatan Maklumat 2019 dan bersetuju supaya satu sesi semakan semula objektif ISMS diadakan bagi melihat kembali kesesuaian semua objektif tersebut beserta sasaran dan kaedah pengukuran yang digunapakai.	Makluman Makluman TWP ISMS/ Penyelaras ISMS
13.5	LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT Mesyuarat: 13.5.1 mengambil maklum laporan dokumentasi ISMS yang merangkumi maklumat Perancangan Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA) dan semakan dokumen rujukan luaran ISMS adalah sebagaimana di Lampiran D. 13.5.2 mengambil perhatian bahawa Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat akan turut dikemaskini mengambilkira perubahan yang akan berlaku hasil daripada Sesi Semakan Semula Objektif ISMS yang akan diadakan dalam masa terdekat. 13.5.3 meminta supaya Ketua dan Timbalan Ketua Juruaudit Dalam ISMS 2019 turut dijemput ke Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA) yang dijadual untuk diadakan pada 22 Ogos 2019.	Makluman Penyelaras ISMS Penyelaras ISMS

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
13.6	LAPORAN PENILAIAN RISIKO (RA) DAN PELAN PEMULIHAN RISIKO (RTP) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 13.6.1 Mesyuarat mengambil maklum berhubung laporan penilaian risiko hasil Bengkel Semakan Penilaian Risiko yang telah diadakan pada 16 April 2019 adalah sebagaimana di Lampiran E. Secara keseluruhan laporan menunjukkan terdapat sebanyak 1237 risiko dengan tahap rendah (L), 100 risiko dengan tahap sederhana (M) dan satu (1) risiko dengan tahap Tinggi (H) hasil penilaian ke atas 936 aset. 13.6.2 Mesyuarat mengambil maklum satu (1) risiko dengan tahap tinggi yang dikenalpasti di Pusat Data melibatkan masalah banjir kilat yang berpunca daripada Projek Pembinaan Stesyen Sistem Transit Aliran Deras (MRT) berhampiran UPM serta limpahan air daripada projek di Kawasan berhampiran Pusat Data. Perkara ini telah diambil perhatian oleh pihak Pengurusan iDEC dan pemulihan risiko yang dikenalpasti sedang dalam proses tindakan. 13.6.3 Mesyuarat mencadangkan supaya menambah maklumat cadangan tarikh tindakan bagi 'Kawalan yang dirancang' dan 'Pelan Pemulihan Risiko' dalam pelaporan penilaian risiko ISMS masa hadapan bagi memudahkan pemantauan ke atas tindakan yang perlu diambil.	Makluman Makluman Penyelaras Penilaian Risiko ISMS
13.7	LAPORAN PELAKSANAAN SOAL SELIDIK PIHAK BERKEPENTINGAN ISMS TAHUN 2018/2019 13.7.1 Mesyuarat mengambil maklum status pelaksanaan tiga (3) kategori soal selidik pihak berkepentingan ISMS tahun 2019 adalah sebagaimana berikut: (a) <u>Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi kemasukan 2018/2019 (Penambahbaikan selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kesebelas)</u> (i) Soal selidik ini telah dilaksanakan pada 2 September 2018 iaitu semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dan 20 September 2018 iaitu pada hari pendaftaran pengambilan kedua pelajar baharu prasiswazah. Hasil soal selidik mendapati 93% daripada 2,308 responden berpuas hati dengan semua perkhidmatan yang diberikan semasa hari pendaftaran pelajar;	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	(ii) Mesyuarat mencadangkan supaya pada masa hadapan, laporan cadangan penambahbaikan turut mengambilkira hasil analisis ke atas komen/ maklum balas responden terhadap keselamatan maklumat semasa pendaftaran.	Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)
	(b) <u>Soal Selidik Perkhidmatan Pusat Data Tahun 2018/2019.</u> (i) Soal selidik secara <i>online</i> ini telah dilaksana pada 27 Disember 2018 sehingga 31 Januari 2019 kepada Timbalan Wakil Pengurusan PTJ, Pegawai PTJ yang menerima perkhidmatan Pusat Data, kontraktor luar yang terlibat dengan Pusat Data dan pelanggan Pusat Data UPM yang menyewa perkhidmatan <i>colocation</i> Pusat Data UPM. Hasil soal selidik mendapati 98.45% daripada 45 responden berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Data; dan (ii) Mesyuarat mencadangkan supaya soal selidik keselamatan maklumat Pusat Data tidak perlu lagi dilaksana pada masa hadapan memandangkan Perkhidmatan Pusat Data bukan lagi merupakan skop utama pensijilan ISMS tetapi hanya perkhidmatan sokongan kepada dua (2) skop pensijilan iaitu Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah dan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti. Sekiranya terdapat keperluan berkaitan maklumat keselamatan yang diberikan oleh Pusat Data yang berkait dengan skop yang terlibat, maklumat boleh diambil daripada soal selidik Perkhidmatan ICT sediaada.	Makluman Makluman
	(c) <u>Soal Selidik Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti Tahun 2018/2019</u> (i) Soal Selidik Penilaian Pengajaran Semester Kedua 2018/2019 ini dilaksana menggunakan <i>google form</i> sebagai alternatif sementara bagi tujuan mendapatkan maklum balas tahap	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
	keselamatan maklumat bermula 1 hingga 10 Mac 2019 (Pelajar Diploma) dan 14 hingga 31 Mei 2019 (Pelajar Bacelor). Hasil soal selidik mendapati 85% daripada 185 responden berpuas hati dengan tahap keselamatan dalam pengendalian penilaian pengajaran yang dilaksanakan; dan (ii) Mesyuarat mencadangkan pada masa hadapan soal selidik penilaian pengajaran dihebahkan kepada semua pelajar melalui emel kumpulan (group emel) keseluruhan pelajar UPM bagi meningkatkan lagi jumlah responden yang menjawab soal selidik kepada jumlah minimum yang diperlukan iaitu sekurang-kurangnya 300 responden.	Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti
13.8	LAPORAN STATUS PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PASUKAN ISMS 13.8.1 Mesyuarat meneliti laporan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Pasukan ISMS yang diterima daripada Pasukan Pusat Data bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah seperti di Lampiran F. 13.8.2 Mesyuarat meminta Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Pasiswazah (Kampus Serdang), Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Pasiswazah (Kampus Bintulu) dan Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti mengemukakan laporan pelaksanaan ISMS masing - masing bagi tempoh yang Januari hingga Jun 2019 kepada pihak CQA sebelum atau pada 19 Julai 2019.	Makluman Ketua Pasukan yang terlibat (Kecuali Pasukan Pusat Data)
13.9	HAL-HAL LAIN 13.9.1 STATUS PENUTUPAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN ISMS 2018 (a) Mesyuarat mengambil maklum sehingga 12 Julai 2019, status penutupan bagi penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2018 adalah seperti di Lampiran G. (b) Mesyuarat meminta Peneraju /PTJ yang terlibat supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan satu (1) Laporan Ketakakuran (NCR) dan empat (4) Peluang Penambahbaikan (OFI)	Makluman Ketua Pasukan ISMS yang berkenaan

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	Audit Dalaman Tahun 2018 dapat ditutup mengikut tempoh yang telah dipersetujui dalam Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA). 13.9.2 STATUS TINDAKAN PENUTUPAN PENEMUAN AUDIT SIRIM ISMS TAHUN 2018 Mesyuarat mengambil maklum bahawa semua bukti tindakan bagi penutupan tujuh (7) Peluang Penambahbaikan (OFI) Audit Pensijilan Semula SIRIM ISMS Tahun 2018 telah dihantar oleh peneraju kepada Seksyen Audit Kualiti UPM dan akan dikemukakan kepada pihak Juruaudit SIRIM bagi tujuan penutupan semasa sesi Audit SIRIM ISMS pada 7 hingga 9 Oktober 2019. Perincian laporan adalah sebagaimana di Lampiran H. 13.9.3 TEMPLAT PENYEDIAAN LAPORAN MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISMS TAHUN 2019 Mesyuarat meminta supaya templat laporan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISMS diemelkan kepada semua pasukan bagi mendapatkan input untuk penyediaan laporan ISMS secara keseluruhan yang merangkumi templat status kawalan ketakakuran, status tindakan pembetulan dan peluang penambahbaikan. Mesyuarat meminta semua peneraju mengemukakan maklumat yang diperlukan kepada pihak CQA selewatnya pada 14 Ogos 2019.	Makluman Penyelaras ISMS/Semua Ketua Pasukan ISMS
13.10	PENANGGUHAN MESYUARAT Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.	

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KETIGA BELAS**

HADIR

1. Encik Krishnan Mariappan **- Pengerusi**
2. Encik Mohd Faizal Daud (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Tuan Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Encik Mustaffa Haji Dollah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
5. Encik Sudirman Asmadi (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu) - *melalui Video Konferen*
6. Encik Zaidi Talip (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu) - *melalui Video Konferen*
7. Encik Mohd Zul Mohd Yusoff (Ketua, Pasukan Pusat Data)
8. Encik Shahril Iskandar Amir (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
9. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
10. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
11. Puan Hashimah Amat Sejani (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
12. Puan Shamrizah Shari **- Setiausaha**

TURUT HADIR

1. Encik Adidi Tamin (Wakil Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Serdang)

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Puan Noorizai Haji Mohamad Noor (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
3. Encik Fahmi Azar Mistar (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)

TINDAKAN SUSULAN BAGI PERKARA BERBANGKIT
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT KALI KESEBELAS
PADA 16 JANUARI 2019

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
1.	11.3.2 (a)	<u>Minit 10.3.2 (a)</u> – Mesyuarat mencadangkan pihak iDEC membawa semula isu berkaitan pihak yang seharusnya bertanggungjawab sebagai pemunya proses (process owner) bagi pelaksanaan Kad Maya PutraViD kepada pihak Jawatankuasa Pengurusan Universiti/ Ketua Pegawai Maklumat (CIO) UPM bagi memastikan pemunya proses yang tepat dikenalpasti. Dalam masa yang sama, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) diminta meneliti dan meluluskan SOP berkaitan pelaksanaan kad maya di mesyuarat peringkat peneraju.	TWP ISMS/ TWP iDEC/ Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)	Maklum balas iDEC Rujuk Lampiran : Petikan Minit Mesyuarat JPU 674.05 (e). <u>Maklum balas Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)</u> Bengkel Prosedur/Garis Panduan Kad Maya (PutraViD) telah diadakan pada 25 Jun 2019 melibatkan pihak BKU dan wakil daripada pihak Pejabat TNC HEPA, iDEC dan CQA. Draf dokumen masih dalam proses semakan akhir pihak BKU dan akan dikuatkuasakan pada 20 Ogos 2019.
2.	11.3.2 (b)	<u>Minit 10.4.4</u> – Mesyuarat meminta Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) memastikan laporan berhubung objektif ISMS dan perkara/tindakan melibatkan pelaksanaan ISMS dibawa dalam mesyuarat yang bersesuaian di peringkat peneraju yang turut melibatkan semua wakil entiti yang berada di bawah pasukan ini.	Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)	Mohon maklum balas semasa mesyuarat.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
3.	11.4.3	Mesyuarat bersetuju dengan penetapan objektif keselamatan maklumat beserta sasaran bagi tahun 2019, kaedah pengukuran yang digunapakai serta penambahan satu (1) objektif baharu ISMS berkaitan pelaksanaan Kad Maya PutraViD yang perlu diambil tindakan oleh semua pasukan ISMS yang terlibat sebagaimana yang dinyatakan di Lampiran C. (Nota: Lampiran C boleh dirujuk pada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Kesebelas)	Semua Ketua Pasukan ISMS	Semua Peneraju ISMS telah mengambil maklum dan tindakan berhubung Objektif Keselamatan Maklumat Tahun 2019. Objektif ISMS 2019 telah mula diukur bagi pencapaian Januari hingga Jun 2019.
4.	11.5.3	Mesyuarat meminta semua pasukan ISMS memastikan penggunaan dokumen rujukan yang terkini dalam pelaksanaan proses kerja di peringkat PTJ atau entiti lain yang terlibat bagi setiap pasukan.	Semua Ketua Pasukan ISMS	Rujukan terhadap dokumen ISMS yang terkini dibuat menerusi paparan Sistem Pengurusan ISO (e-ISO UPM).
5.	11.5.3	Mesyuarat meminta supaya hebahan penggunaan dokumen rujukan ISMS yang terkini ini dibuat kepada semua Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju/PTJ bagi mengelakkan penggunaan dokumen luput.	Penyelaras ISMS	Hebahan berkaitan penggunaan dokumen Rujukan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dan Dokumen Penyata Pemakaian (SoA) yang terkini telah diemelkan kepada semua TWP pada 25 Februari 2019.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
6.	11.7.2	Mesyuarat meneliti laporan Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Tahun 2018 yang dibentangkan dan meminta peneraju yang terlibat mengemaskini semula laporan berdasarkan cadangan penambahbaikan semasa mesyuarat seperti berikut: (a) Mengenalpasti punca skor responden dengan skala 1 (sangat tidak memuaskan) bagi soalan yang berkaitan untuk tujuan penambahbaikan pelaksanaan soal selidik akan datang; (b) Meminda format carta pai kepada carta bar supaya lebih mudah dibaca dan jelas; (c) Memasukkan catatan yang diperolehi daripada responden (jika ada) dalam ruangan cadangan penambahbaikan pelaksanaan soal selidik; dan (d) Meneliti semula kesesuaian cadangan membangunkan aplikasi mudah alih bagi responden menjawab soal selidik secara <i>mobile apps</i>.	Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)	Status tindakan: <u>Perkara (a) – (c)</u> Mohon maklum balas semasa mesyuarat. <u>Perkara (d)</u> Telah dilaksana menggunakan <i>google form</i> dan pelajar boleh menjawab soal selidik menggunakan telefon pintar masing-masing.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN															
7.	11.9.2	Mesyuarat mencadangkan supaya diadakan slot tambahan bagi sesi pemahaman SoA kepada semua pasukan ISMS bagi tujuan memantapkan lagi pemahaman dan pelaksanaan kawalan ke atas perkara-perkara yang dinyatakan dalam dokumen tersebut.	Penyelaras ISMS	Slot pemahaman berhubung pelaksanaan kawalan ke atas perkara yang dinyatakan dalam Penyata Pemakaian (SoA) akan dilaksana semasa Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA) yang dijadualkan pada 22 Ogos 2019.															
8.	11.9.3	Mesyuarat meminta supaya pihak CQA menyediakan senarai semak persediaan setiap pasukan ISMS bagi menghadapi Audit Dalaman dan Audit SIRIM tahun 2019.	Penyelaras ISMS	Senarai semak persediaan Audit Dalaman ISMS telah disediakan oleh Penyelaras Audit Dalam dan diedarkan kepada semua peneraju proses yang terlibat pada 10 Mei 2019. Senarai semak persediaan Audit SIRIM akan diedarkan sebelum pelaksanaan Audit SIRIM pada Oktober 2019.															
9.	11.10.1 (b)	Mesyuarat meminta Peneraju /PTJ yang terlibat supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan peluang penambahbaikan (OFI) Audit Dalaman Tahun 2017 & 2018 dapat ditutup mengikut tempoh yang telah dipersetujui dalam Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA).	Ketua Pasukan ISMS yang berkenaan	Status terkini penutupan penemuan Audit Dalaman ISMS: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Siri Audit</th><th>Jum. NCR</th><th>NCR Ditutup</th><th>Jum. OFI</th><th>OFI ditutup</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>AD 2017</td><td>10</td><td>10</td><td>10</td><td>10</td></tr> <tr> <td>AD 2018</td><td>5</td><td>4</td><td>26</td><td>22</td></tr> </tbody> </table>	Siri Audit	Jum. NCR	NCR Ditutup	Jum. OFI	OFI ditutup	AD 2017	10	10	10	10	AD 2018	5	4	26	22
Siri Audit	Jum. NCR	NCR Ditutup	Jum. OFI	OFI ditutup															
AD 2017	10	10	10	10															
AD 2018	5	4	26	22															

SULIT

**PETIKAN MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI KE-674
PADA 17 April 2019 (Rabu)
[sebagaimana disahkan pada 8 Mei 2019]**

Kepada : Ketua Pegawai Maklumat
Pengaruh Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi

Daripada : Urus Setia Mesyuarat
Pejabat Naib Canselor

Tarikh : 13 Mei 2019

**MINIT 674.05(e): Laporan Implementasi Sistem Aplikasi Kad Maya
PutraVID dan Cadangan Peluasan Penggunaan [Kertas
JPU Bil. 674/6]**

Mesyuarat menimbang Kertas ini dan:-

- (a) mengambil perhatian pembentangan oleh Prof. Madya Dr. Fatimah Sidi, Pengarah Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) mengenai Laporan Implementasi Sistem Aplikasi Kadmaya (*Putra Virtual Identification* – PutraVID) sebagai pengganti Kad Pelajar tahun satu sesi 2018/2019 dengan statistik pengguna adalah seperti berikut:-

BIL	KATEGORI PELAJAR	JUMLAH PELAJAR	AKTIF	BELUM AKTIF	PERATUS AKTIF
1	Asasi Pertanian	955	939	16	98.32 %
2	Pra- Siswazah	19130	9284	9846	48.53 %
3	Siswazah	10235	2392	7843	23.37 %
	JUMLAH :	30320	12615	17705	41.61 %
BIL	KATEGORI STAF	JUMLAH STAF	AKTIF	BELUM AKTIF	PERATUS AKTIF
1	STAF UPM	5652	1470	4182	26.01 %

- (b) antara isu penggunaan kad maya adalah seperti berikut:-

BIL	ISU	TINDAKAN
1	Penerimaan daripada pihak luar kampus khususnya untuk tujuan mendapat diskaun perkhidmatan percuma atau berbayar	Pengumuman penggunaan kad maya oleh UPM telah dibuat oleh pihak CoSComm pada Ogos 2018 Dicadangkan hebahan dan galakan penggunaan secara berterusan, kerana konsep penggunaan kad maya ini masih baharu dalam kalangan warga Malaysia
2	Verifikasi kesahihan kadmaya pelajar	Verifikasi kesahihan kad maya boleh dilaksanakan oleh semua staf melalui :

SULIT

PETIKAN MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI KE-674
PADA 17 April 2019 (Rabu)
[sebagaimana disahkan pada 8 Mei 2019]

		- AppMobile : Putraverifikasi (Android & IOS) - WEB : URL:putraverifikasi.upm.edu.my
3	Keperluan salinan keras	Pelajar boleh mencetak salinan kad maya melalui aplikasi PutraVID.
4	Pelajar tiada SmartPhone	Pelajar boleh mencetak kad maya ini, untuk tujuan pengenalan diri sepanjang masa.
5	Keperluan kad pelajar semasa kecemasan	Pelajar adalah digalakkan untuk membawa cetakan kad maya semasa berada di dalam atau di luar kampus.
6	Jenis SmartPhone yang boleh menggunakan PutraVID (Versi OS)	PutraVID hanya serasi dengan Smartphone berkonfigurasi minimum seperti berikut : - Android versi 5.0 serta lebih tinggi - IOS Iphone versi 5s serta lebih tinggi SmartPhone yang tidak mencapai spesifikasi minimum masih boleh menggunakan kad maya melalui aplikasi PutraVID versi WEB di URL:putraVID.upm.edu.my
7	Keselamatan QRCode jika imej telah didedahkan kepada pihak lain	Pelajar boleh menukar kombinasi kod imej <i>QR Code</i> setiap masa melalui aplikasi PutraVID

- (c) turut mengambil perhatian cadangan peluasan penggunaan kepada semua pelajar dan staf universiti dan strategi penambahbaikan tadbir urus penggunaan kad maya universiti;
- (d) pihak iDEC mencadangkan penambahbaikan tadbir urus implementasi kad maya PutraVID seperti berikut:-

BIL	PERANAN	PTJ BERTANGUNGJAWAB
1	Pemilik kad maya Pelajar	Bahagian Tadbir Urus Akademik
2	Pemilik kad maya Staf	Pejabat Pendaftar
3	Pemilik Sistem Aplikasi kad maya Pelajar dan Staf PutraVID, PutraVerify & UPMID	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)

SULIT

**PETIKAN MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI KE-674
PADA 17 April 2019 (Rabu)
[sebagaimana disahkan pada 8 Mei 2019]**

4	Penguatkuasaan Kepatuhan Penggunaan	Bahagian Keselamatan
5	Pemantauan Pemakaian dari aspek kesahihan tuan punya kad maya untuk tujuan memberi perkhidmatan kepada pelajar dan staf	Semua PTJ yang memberi perkhidmatan
6	Membangunkan kemudahan atau perkhidmatan yang mengguna pakai PutraVID sebagai kekunci kawalan capaian	Semua PTJ di bawah kawalan

- (e) **meminta** pihak CIO untuk meneliti pelan masa depan pengurusan ICT di UPM termasuk integrasi sistem Boost atau mana-mana pembayaran tanpa tunai dengan Meal Plan UPM, Book Plan UPM dengan turut mengambil kira sumbangan yang boleh dijana melalui inisiatif tersebut kepada UPM;
- (f) YBhg. Prof. Datin Paduka Dato' Naib Canselor mengambil maklum berkenaan Laporan Implementasi Kad Maya PutraVID, dan **meluluskan** cadangan peluasan pembangunan dan penambahbaikan tadbir urus penggunaan kad maya seperti berikut:-
- (i) menggalakkan pembangunan aplikasi infrastruktur serta infostruktur yang membolehkan penggunaan kadmaya PutraVID dalam urusan perkhidmatan kampus di setiap PTJ; dan
- (ii) pengurusan implementasi kad maya berdasarkan tanggung jawab sebagaimana yang dicadangkan.

Tindakan: CIO & Pengarah IDEC


MOHD NAZRI BIN MD YASIN
Setiausaha
Mesyuarat Pengurusan Universiti

SULIT



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
A G R I C U L T U R E • I N N O V A T I O N • L I F E

**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT
MS ISO/IEC 27001: 2013 KALI KE-13
16 Julai 2019**

**AGENDA 4:
LAPORAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT**

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian Jan – Jun 2019
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	100%	Membandingkan senarai semak pelajar yang telah melapor diri dengan senarai pelajar yang disahkan dan aktif dalam eSMP	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Belum diukur (UPM Serdang) (Penilaian Pencapaian Objektif ISMS akan dilakukan selepas pendaftaran pelajar baharu pada September 2019) 100% (UPM Bintulu) (berdasarkan pendaftaran pelajar Diploma UPMKB pada 18 Jun 2019)
2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	98% (UPM Serdang) 90% (UPM Bintulu)	Membandingkan jumlah pelajar yang membayar yuran secara atas talian dengan jumlah keseluruhan pelajar yang membayar yuran	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Belum diukur (UPM Serdang) (Penilaian Pencapaian Objektif ISMS akan dilakukan selepas pendaftaran pelajar baharu pada September 2019) 98% (UPM Bintulu) (berdasarkan pendaftaran pelajar Diploma UPMKB pada 18 Jun 2019)
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 6 jam	Memastikan pematuhan kepada <i>Recovery Time Objective (RTO)</i> Pelan Pemulihan Bencana ICT	Pasukan Pusat Data	Tiada pengukuran dibuat kerana Simulasi DRP ICT dijangka dilaksana pada bulan Ogos 2019.

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian Jan – Jun 2019
4.	Memastikan Service Level Agreement (SLA) 95.0 Ketersediaan sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Membandingkan tempoh masa <i>downtime</i> dengan tempoh masa sistem beroperasi semula	Pasukan Pusat Data	Tiada <i>down time</i> Ketersediaan 100%
5.	Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia	100%	Pengukuran berdasarkan tiada aduan/insiden berkaitan penilaian pengajaran selain tidak membenarkan permohonan maklumat penilaian mengikut pelajar oleh pensyarah/fakulti	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	100% (berdasarkan penilaian sem. 2 2018/19)
6.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap memuaskan**	Min 4.0 (≥ 4.0)	Skor (min) yang diperolehi bagi item tahap kepuasan terhadap ciri-ciri keselamatan sistem	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	Min 4.05 (berdasarkan penilaian sem. 2 2018/19)
7.	Memastikan pelajar mengaktifkan Kad Maya PutraViD dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas pendaftaran pelajar baharu	95%	Pengukuran statistik pengaktifan Kad Maya PutraViD	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Belum diukur (Penilaian Pencapaian Objektif ISMS akan dilakukan selepas pendaftaran pelajar baharu pada September 2019)

SYOR

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS dimohon:

1. mengambil maklum status pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 bagi tempoh Januari hingga Jun 2019;
2. mengambil perhatian berhubung cadangan penambahan objektif ISMS tahun 2019.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
A G R I C U L T U R E • I N N O V A T I O N • L I F E

**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT
MS ISO/IEC 27001: 2013 KALI KE-13
16 JULAI 2019**

AGENDA 5:
**LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN
KESELAMATAN MAKLUMAT**

JKK ISMS Ke-13

	PENYATA PEMAKAIAN (STATEMENT OF APPLICABILITY) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT
1.0 PENGENALAN Dokumen Penyata Pemakaian (<i>Statement of Applicability</i> (SoA)) menggariskan objektif kawalan dan kawalan di Annex A dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013 selaras dengan keperluan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di Universiti Putra Malaysia. 2.0 TUJUAN Dokumen ini bertujuan untuk menetapkan proses yang perlu dipatuhi dalam menyediakan SoA. 3.0 PROSES PENYATA PEMAKAIAN (SoA) 3.1 PENYEDIAAN SoA Proses yang terlibat dalam penyediaan SoA merangkumi: (a) Memahami keperluan SoA dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013. (b) Menyediakan kandungan SoA dengan mengambil kira aspek berikut: (i) Menyenaraikan semua objektif kawalan dan kawalan di Annex A dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013;	



Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA) akan dilaksanakan pada **22 Ogos 2019** melibatkan semua Pasukan ISMS dan Entiti Sokongan ISMS yang terlibat

Kemaskini terkini pada 22.02.2019 – Sila rujuk dokumen melalui Portal e-ISO

JKK ISMS Ke-13


DOKUMEN RUJUKAN LUARAN ISMS

(Senarai dokumen boleh dirujuk melalui Portal e-ISO)



KAWALAN DOKUMEN DAN REKOD ISO

- Graf Statistik Dokumen ISO UPM
- Jadual/Laporan Terperinci Statistik Dokumen Mengikut Peneraju
- Senarai Utama Dokumen Terkawal ISO
- Dokumen Rujukan ISO
 - + Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar
 - + Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat
 - + Penyata Pemakaian (Statement of Applicability)
 - + Dokumen Rujukan Luaran/Dalaman Lain**
- Jadual Kelulusan Dokumen
- Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (CPD)
 - + Jadual Tindakan Kuatkuasa Dokumen ISO 2019
 - + Surat Hebahan Perubahan Dokumen
 - + Senarai Perincian/Perubahan Dokumen
 - + Panduan Penyediaan/Pindaan Dokumen



DOKUMEN RUJUKAN

SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO/IEC 27001:2013
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Nama Dokumen Rujukan Luar	
1.	Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia
2.	Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)
3.	Akta Hak Cipta (Pindaan) Tahun 2012 Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332)
4.	Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1996 (Akta 4)
5.	Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588)
6.	Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)
7.	Akta Tandatangan Digital 1997 (Akta 562)
8.	Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563)
9.	Arahan Teknologi Maklumat 2007 (terkandung dalam Akta 680: Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007)
10.	Information Technology-Security Techniques-Information Security Management Systems-Requirements
11.	Malaysian Public Sector Management of Information and Communication Technology Security Handbook (Mymis) 2002
12.	The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment Methodology (MyRAM)
13.	Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2001 - Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
15.	Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000 - Rangka Dasar Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Kerajaan
16.	Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan
17.	Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2003 - Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-Agensi MAMPU



SYOR

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS dimohon:

1. mengambil maklum berkaitan dokumentasi ISMS merangkumi perancangan Bengkel Semakan Penyata Pemakaian pada 22 Ogos 2019 dan juga semakan ke atas pemakaian dokumen rujukan luar ISMS yang tersenarai di dalam Portal e-ISO UPM.



Terima
kasih



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
A G R I C U L T U R E • I N N O V A T I O N • L I F E

**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT
MS ISO/IEC 27001: 2013 KALI KE-13
16 Julai 2019**

**LAPORAN PENILAIAN RISIKO & PELAN PEMULIHAN RISIKO ISMS
(SEMAKAN APRIL 2019)**

JKK ISMS Ke-12 (Secara Edaran)

RINGKASAN PENILAIAN RISIKO & PELAN PEMULIHAN RISIKO SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT SEMAKAN APRIL 2019

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)		
				L	M	H
1.	Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang	649	869	854	15	0
2.	Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah UPMKB	58	124	92	32	0
3.	Sistem sokongan (Pusat Data)	184	222	188	33	1
4.	Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	45	123	103	20	0
	JUMLAH	936	1338	1237	100	1



JKK ISMS Ke-12 (Secara Edaran)

1 PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH KAMPUS SERDANG

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang	649	869	854	15	0	Pengesahan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah di Kolej Kediaman			
				Gangguan Perkhidmatan Rangkaian ICT	Pelaksanaan proses pendaftaran secara manual.	Tiada	Tiada			
								Masukkan maklumat yang diperlukan ke dalam SMP selepas rangkaian pulih berdasarkan bilangan pelajar baharu yang hadir.		



JKK ISMS Ke-12 (Secara Edaran)

1 PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH KAMPUS SERDANG...

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang	649	869	854	15	0	Kad Pelajar Baharu Prasiswazah			
							Gangguan Perkhidmatan Rangkaian ICT	Laksana baikpulih rangkaian mengikut Arahan Kerja Perkhidmatan Infrastruktur Rangkaian	Tiada	Tiada
							Senarai <i>Hardware</i> dan <i>Software</i> PutraViD	Wujud <i>server redundant</i> bagi <i>hardware</i> dan <i>software</i> PutraViD di Pusat Pemulihan Data		

JKK ISMS Ke-12 (Secara Edaran)

1 PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH KAMPUS SERDANG...

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang	649	869	854	15	0	Pengesahan Laporan Pemeriksaan Kesihatan Pelajar Baharu Prasiswazah			
							Hardware malfunction	Penyelenggaraan berkala UPM/OPR/iDEC/ P003: Penyelenggaraan ICT Pelaksanaan DRP ICT	Tiada	Tiada

JKK ISMS Ke-12 (Secara Edaran)

1

PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH KAMPUS SERDANG...

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang	649	869	854	15	0	Pembayaran Yuran Pelajar Baharu Prasiswazah			
							Gangguan Perkhidmatan Rangkaian ICT	Laksana baikpulih rangkaian mengikut Arahan Kerja Perkhidmatan Infrastruktur Rangkaian	Tiada	Tiada
							<u>Punca dari pihak ketiga (bank)</u> <i>Failure of database</i>	<i>Statement bank dalam bentuk emel oleh pihak bank</i> <i>Hubungi Bank Service Center</i>		

JKK ISMS Ke-12 (Secara Edaran)

1 PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH KAMPUS SERDANG...

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang	649	869	854	15	0	Proses Muatnaik Data Tawaran Pelajar UPU			
							Gangguan Perkhidmatan Rangkaian ICT	Laksana baikpulih rangkaian mengikut Arahan Kerja Perkhidmatan Infrastruktur Rangkaian	Tiada	Tiada
							Data dimanipulasi	Mewujudkan Kata laluan untuk akses ke data Tawaran UPU		

JKK ISMS Ke-12 (Secara Edaran)

2 PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH KAMPUS BINTULU

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah UPMKB	58	124	92	32	0	Gangguan Perkhidmatan Rangkaian ICT dan Sistem Aplikasi Gangguan Perkhidmatan Punca Kuasa Elektrik	1. Membuat <i>backup</i> data dari masa ke semasa 2. Laksana prosedur pemulihan yang telah dibangunkan 3. Proses pendaftaran pelajar dijalankan secara manual Menyediakan genset sebagai sumber elektrik kedua	Mewujudkan Pelan Pemulihan Bencana Proses Pendaftaran Pelajar	Tiada

JKK ISMS Ke-12 (Secara Edaran)

3 PASUKAN PUSAT DATA

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Sistem sokongan (Pusat Data)	184	222	188	33	1	1. <i>Hardware malfunction</i> 2. <i>Flash flood</i>	1. Prosedur Penyelenggaraan ICT: • GPKTMK Perkara 11.3 (e): Penyelenggaraan Peralatan • UPM/OPR/IDEC/P003: Prosedur Penyelenggaraan ICT 2. Pelaksanaan DRP ICT	1. Perjanjian perkhidmatan dengan pihak berkaitan dan penyelenggaraan berkala oleh pihak vendor	1. Permohonan penyelenggaraan sistem perparitan iDEC Beta 2. Permohonan Pusat Data baharu

JKK ISMS Ke-12 (Secara Edaran)

4 PASUKAN PENILAIAN PENGAJARAN PRASISWAZAH DI FAKULTI

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	45	123	103	20	0	<i>Hardware malfunction</i>	1. Prosedur Penyelenggaraan ICT: • GPKTMK Perkara 11.3 (e): Penyelenggaraan Peralatan • UPM/OPR/IDEC/P003: Prosedur Penyelenggaraan ICT 2. Pelaksanaan DRP ICT menggunakan <i>server</i> sediaada	Tiada	Dalam proses perolehan <i>server</i> kekal bagi pemulihan bencana ICT – fasa permohonan bajet untuk pembelian

SYOR

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS dimohon:

mengambil maklum berhubung laporan penilaian risiko dan pelan pemulihan risiko ISMS (semakan April 2019).



**PELAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KESEBELAS**

**AKTIVITI ISMS YANG DIANJURKAN OLEH SETIAP PASUKAN ISMS YANG MEMPENGARUHI PELAKSANAAN ISMS
DI UPM (BAGI TEMPOH **JANUARI HINGGA JUN 2019**)**

1) PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH (KAMPUS SERDANG)

Bil	Aktiviti/Program (Mesyuarat/Bengkel/Taklimat/dll)	Tarikh	Penglibatan pegawai (siapa yang terlibat mengikut jawatan)
	Mohon kemaskini maklumat semasa mesyuarat.		

2) PASUKAN PUSAT DATA

Bil	Aktiviti/Program (Mesyuarat/Bengkel/Taklimat/dll)	Tarikh	Penglibatan pegawai (siapa yang terlibat mengikut jawatan)
1.	Perbincangan Gabungan Prosedur Penyelenggaraan ICT dan Perkhidmatan Sokongan ICT	8 Jan 2019	Ahli JKPISO
2.	Taklimat Pelupusan Rekod	11 Jan 2019	Staf iDEC yang terlibat dengan Dokumentasi ISO
3.	Taklimat Pembudayaan Kualiti QMS dan ISMS iDEC 2019	13 Feb 2019	Semua staf iDEC
4.	Perbincangan Penilaian Risiko ISMS iDEC	24 April 2019	Pasukan Pusat Data

5.	Semakan Kendiri ISMS iDEC	2 hingga 7 Mei 2019	Pasukan Pusat Data
6.	Audit Dalaman ISMS	13 hingga 16 Mei 2019	Pasukan Pusat Data
7.	Bengkel Pemurnian Dokumen ISO iDEC	23 Mei 2019	Semua PYB iDEC yang terlibat
8.	Mesyuarat JKPIISO iDEC Bil 1/2019	4 Mac 2019	Ahli JKPIISO iDEC
9.	Mesyuarat JKPIISO iDEC Bil 2/2019	19 Jun 2019	Ahli JKPIISO iDEC
10.	Mesyuarat JK Pengurusan Risiko iDEC Bil 1/2019	3 April 2019	Ahli JK Pengurusan Risiko iDEC
11.	Perbincangan Penilaian Risiko QMS dan ISMS iDEC	25 Jun 2019	Semua Ketua bahagian iDEC

3) PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH (KAMPUS BINTULU)

Bil	Aktiviti/Program (Mesyuarat/Bengkel/Taklimat/dll)	Tarikh	Penglibatan pegawai (siapa yang terlibat mengikut jawatan)
	Mohon kemaskini maklumat semasa mesyuarat.		

4) PASUKAN PENILAIAN PENGAJARAN PRASISWAZAH DI FAKULTI

Bil	Aktiviti/Program (Mesyuarat/Bengkel/Taklimat/dll)	Tarikh	Penglibatan pegawai (siapa yang terlibat mengikut jawatan)
	Mohon kemaskini maklumat semasa mesyuarat.		

Agenda 9.1 - Status Penutupan AD ISMS 2018

**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT (ISMS) KALI KE-13**

**STATUS PENUTUPAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
TAHUN 2018**

Penemuan	Bil. Diterima untuk Tindakan	Status Penutupan		
		Tutup	Belum Tutup Lebih Tempoh	Belum Tutup Dalam Tempoh
Laporan Ketakakuran (NCR)	5	4	0	1
Peluang Penambahbaikan (OFI)	26	22	2	2

Data Dikemaskini: 12/07/2019

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) KALI KESEBELAS

**PELAKSANAAN TINDAKAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN (OFI)
PENEMUAN AUDIT PENSIJILAN SEMULA,
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO/IEC 27001:2013
(1 – 3 OKTOBER 2018)**

No. OFI	Klausa / Annex	Pernyataan OFI	PTJ diaudit	Peneraju Proses yang Terlibat	Maklum balas Tindakan	Status Tindakan (Bukti tindakan dihantar ke CQA)
OFI-1	6.1.3 d)	Mengemukakan penyata pemakaian Didapati, Kawalan A.6.5.1 (A.6.1.5) Keselamatan Maklumat Dalam Pengurusan Projek tidak terpakai dalam pelaksanaan ISMS. Pengecualian kawalan ini sewajarnya disemak semula memandangkan UPM ada melaksanakan beberapa projek seperti UPM ID dan PutraCloud	Pusat Jaminan Kualiti	Pusat Jaminan Kualiti	Maklum balas CQA Membuat pengemaskinian pada Dokumen Penyata Pemakaian (SoA) mengambilkira keperluan kawalan bagi perkara A.6.1.5 (Keselamatan maklumat dalam pengurusan projek) selaras dengan pelaksanaan projek pembangunan ICT yang terlibat dengan skop pensijilan	Selesai

No. OFI	Klausa / Annex	Pernyataan OFI	PTJ diaudit	Peneraju Proses yang Terlibat	Maklum balas Tindakan	Status Tindakan (Bukti tindakan dihantar ke CQA)
OFI-2	7.3 A.9.3.1	<u>Kesedaran</u> Penggunaan maklumat pengesahan rahsia Kesedaran terhadap pematuhan pengurusan kata laluan yang interaktif dan berkualiti bagi memenuhi keperluan Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (GPKTMK) perlu ditambah baik bagi: 1. Pengguna eSMP di kolej Kediaman 2. Pengguna SPICT, di IDEC 3. Pengguna SAS di Pejabat Bursar	1. Kolej Kediaman 2. IDEC 3. Pejabat Bursar	iDEC	<u>Maklum balas iDEC</u> Untuk sistem yang berasaskan UPMiD telah melaksanakan <i>enforcement strong password</i> kepada pengguna. (TINDAKAN BOA)	Selesai
					Untuk sistem yang tidak berasaskan UPMiD kawalan UPMiD akan dilaksanakan. Daftar baru Sebutharga perolehan naiktaraf sistem eSMP. (TINDAKAN BOA)	Selesai
					Kesedaran keselamatan pengurusan kata laluan kepada pengguna akan diberi hebahan melalui email INFO ICT atau Buletin UPM. (TINDAKAN BPG) Taklimat GPKTMK kepada pengguna (TINDAKAN BPG)	Selesai

No. OFI	Klausa / Annex	Pernyataan OFI	PTJ diaudit	Peneraju Proses yang Terlibat	Maklum balas Tindakan	Status Tindakan (Bukti tindakan dihantar ke CQA)
OFI-3	10.1	Ketidakakuran dan tindakan pembetulan Hasil semakan dan tindakan susulan bagi menutup Laporan Penambahbaikkan yang dikeluarkan oleh pasukan audit dalam perlulah sentiasa direkodkan di dalam Portal Jaminan Kualiti.	Pusat Jaminan Kualiti	Pusat Jaminan Kualiti	<u>Maklum balas CQA</u> 1. Memberi kesedaran / kefahaman kepada TWP dan TPAD berkaitan dengan penggunaan sistem audit (Portal CQA). 2. Laporan Analisis Penutupan penemuan audit dalaman tahun semasa dan tahun dilaporkan dalam mesyuarat JK Kualiti	Selesai
OFI-4	8.1 A.12.1.1	<u>Kawalan dan Perancangan Operasi</u> Prosedur operasi yang didokumenkan Kawalan perubahan semasa pembangunan sistem/aplikasi dan selepas tamat tempoh 'warranty' dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Namun, kaedah kawalan perubahan bagi sistem/aplikasi yang berada dalam tempoh 'warranty' perlu diperjelaskan lagi agar sebarang	iDEC	iDEC	<u>Maklum balas iDEC</u> Pindaan Prosedur Pembangunan ICT akan diadakan Bengkel Semakan Dokumen 21 November 2018	Selesai

No. OFI	Klausa / Annex	Pernyataan OFI	PTJ diaudit	Peneraju Proses yang Terlibat	Maklum balas Tindakan	Status Tindakan (Bukti tindakan dihantar ke CQA)
		perubahan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan lebih baik.				
OFI-5	A.17.1.1	Perancangan kesinambungan keselamatan maklumat Simulasi bagi pelan pemulihan bencana (DRP) ICT versi 4.0 telah berjaya dijalankan pada 27 Julai 2018. Semakan terhadap dokumen DRP ICT yang baharu sedang dibuat berdasarkan laporan keputusan hasil daripada simulasi tersebut. Pasukan DRP ICT perlu mengambil kira aplikasi Penilaian Pengajaran sebagai salah satu komponen di dalam aktiviti ini memandangkan proses penilaian pengajaran ini baru dimasukkan di dalam skop pensijilan. Walau bagaimanapun, kelemahan yang	iDEC	iDEC	<u>Maklum balas Idec</u> Pelan DRP untuk Penilaian Pengajaran telah dirancang dan akan dilaksanakan pada tahun 2019 apabila proses perolehan perkakasan diluluskan. <u>Tindakan</u> (Pasukan DRP ICT, CADE)	Selesai

No. OFI	Klausa / Annex	Pernyataan OFI	PTJ diaudit	Peneraju Proses yang Terlibat	Maklum balas Tindakan	Status Tindakan (Bukti tindakan dihantar ke CQA)
		berkaitan dengan proses kesinambungan perkhidmatan serta ancaman bagi aplikasi ini telah direkodkan di dalam MyRAM.				
OFI-6	A.11.2.8	Peralatan pengguna tanpa jagaan Organisasi boleh menambahbaik kawalan untuk komputer yang ditinggalkan tanpa jagaan supaya sentiasa mematuhi kawalan yang ditetapkan dalam GPKTMK. (contoh: komputer di Pejabat Bursar).	Pejabat Bursar	iDEC	<u>Maklum balas iDEC</u> <u>Educate pengguna</u> Kawalan Clear screen/screen saver semasa melaksana penyelenggaraan PC (TINDAKAN BSP)	Selesai
					Program Kesedaran Keselamatan ICT (OPS CELIK GPKTMK) (TINDAKAN BPG)	Selesai
OFI-7	A.12.2.1	Kawalan daripada perisian hasad Komputer pengguna telah dipasang dengan antivirus sewajarnya. Namun demikian, pemantauan ke atas pengemaskinian	1. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi 2. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	iDEC	<u>Maklum balas iDEC</u> Kawalan PC kemaskini antivirus (TINDAKAN BSP) Semakan semula dokumen senarai semak penyelenggaraan PC perlu masukkan semak kemaskini	Selesai

No. OFI	Klausa / Annex	Pernyataan OFI	PTJ diaudit	Peneraju Proses yang Terlibat	Maklum balas Tindakan	Status Tindakan (Bukti tindakan dihantar ke CQA)
		antivirus tersebut perlu dilihat dan boleh ditambahbaik untuk memastikan antivirus terkini. (contoh: komputer di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, dan Fakulti Perhutanan)	3. Fakulti Perhutanan		antivirus. (TINDAKAN BSP) Kaedah menyampaikan maklumat keselamatan pengurusan PC pengguna (TINDAKAN BSP) PELAKSANAAN TERPERINCI Instalasi Microsoft Endpoint Protection pada PC pengguna (TINDAKAN BSP) - Program Kesedaran Keselamatan ICT (OPS CELIK GPKTMK) (TINDAKAN BPG) - Dekstop Management (TINDAKAN BSP) - Pop UP mesej awareness PC Management semasa login UPMiD page (TINDAKAN BOA)	